

## KEMAHIRAN VISUAL PEDAGOGI HIKMAH

### [VISUAL SKILLS IN WISDOM PEDAGOGY]

NOOR INSYIRAH KHAIRUL ANUAR<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: hafizhah\_zulkifli@ukm.edu.my

---

*Received: 10 April 2024*

*Accepted: 14 May 2024*

*Published: 29 June 2024*

---

**Abstrak:** Gaya pembelajaran seseorang individu amat mempengaruhi hasil pembelajaran mereka. Hal ini demikian kerana kaedah dan gaya pembelajaran seseorang individu itu yang menentukan samada mereka menggunakan visual (melihat), auditorial (mendengar) atau kinestetik (bergerak, bekerja dan menyentuh). Bagi kaedah Kemahiran visual memfokuskan kepada bahan bantuan mengajar maujud seperti gambar, gambar rajah, objek, video, grafik, dan animasi. Visual merupakan satu bahan mengajar yang dapat membantu merangsang murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis. Kemahiran visual wajar dilaksanakan oleh guru agar murid dapat mempelajari konsep pengajaran dan pembelajaran yang baru. Pentingnya dalam menggunakan Kemahiran Visual dalam Pelaksanaan Pedagogi Hikmah ini untuk membantu murid memperbaiki dan mempertingkatkan lagi tahap pemahaman murid dan Kemahiran komunikasi dua hala antara murid. Akan tetapi dalam kajian Rahayu & Firman (2002) individu yang ke arah visual lebih mudah hilang fokus. Perkara ini akan berlaku apabila memerlukan aktiviti spontan dalam sesi PdPc. Sukar bagi mereka untuk melontarkan idea dan pandangan dalam keadaan spontan. Oleh hal yang demikian, kaedah Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah ini juga dapat mengasah kemahiran murid untuk berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis dengan lebih baik lagi. Selain itu, turut dilampirkan analisis daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan penggunaan bahan visual dalam PdPc. Diharapkan agar penulisan kertas konsep ini dapat memberi manfaat kepada para pendidik dan pengkaji yang ingin menambah pengetahuan mengenai Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah..

**Kata Kunci:** Kemahiran Visual, P4C, Pedagogi Hikmah.

**Abstract:** An individual's learning style greatly affects their learning outcomes. This is so because the method and learning style of an individual determines whether they use visual (seeing), auditory (listening) or kinesthetic (moving, working and touching). For the Visual Skills method, focus on existing teaching aids such as pictures, diagrams, objects, videos, graphics, and animations. Visuals are a teaching material that can help stimulate students to think creatively and critically. Visual skills should be implemented by teachers so that students can learn new teaching and learning concepts. The importance of using Visual Skills in the Implementation of this Wisdom Pedagogy to help students improve and further improve the level of student understanding and two-way communication skills between students. However, in Rahayu & Firman's (2002) study, individuals who are more visual tend to lose focus more easily. This will happen when there is a need for spontaneous activity in the teaching and learning session. It is difficult for them to throw ideas and views in a spontaneous situation. As such, the method of Visual Skills in Wisdom Pedagogy can also sharpen students' skills to communicate, think creatively and critically even better. In addition, an analysis from previous studies related to the use of visual materials in teaching and learning is also attached. It is hoped that the writing of this concept

paper can benefit educators and researchers who want to increase their knowledge about Visual Skills in Wisdom Pedagogy.

**Keywords:** Visual Skills, P4C, Wisdom Pedagogy.

**Cite This Article:**

Noor Insyirah Khairul Anuar & Hafizhah Zulkifli. (2024). Kemahiran Visual Pedagogi Hikmah [Visual Skills In Wisdom Pedagogy]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 16-23.

## **PENGENALAN**

Pendidikan merupakan satu tunggak bagi menentukan kemajuan suatu negara. Jika sistem pendidikan sesuatu negara itu tidak dirancang dengan baik maka masa depan generasi kini tidak akan berkembang dengan pesat dan maju. Dalam pada itu, sistem pendidikan di Malaysia ingin menerapkan pembelajaran yang berunsurkan kritis dan kreatif. Oleh itu dalam Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 menyatakan enam aspirasi yang setaraf dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu pengetahuan kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Seri Amin Senin menyatakan dalam satu temu bual (M-Star, 17 Disember 2019) bahawa perlu mengamalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau Higher Order Thinking Skills (HOTS) dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelajar di Malaysia perlu diberi pendedahan tentang cara menyelesaikan masalah yang dihubungkan kait dengan KBAT seperti mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta yang merupakan unsur dalam kemahiran abad ke-21.

Terdapat satu kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar dan pelajar berpeluang mengeluarkan idea dan pandangan mereka secara bebas. Kaedah ini telah diasaskan oleh Dr. Rosnani Hashim Profesor dari UIA iaitu Pedagogi Hikmah. Menurut Rosnani Hashim (2017), dengan pelaksanaan Pedagogi Hikmah mengalakkan pelajar befikir dengan mengajukan penyoalan secara kritis dan refleksi ketika berlakunya proses perbincangan dan penyoalan.

Bahan visual merupakan satu bahan yang dapat menarik minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen warna, bentuk gambar, penceritaan gambar yang akan merangsang pemikiran pelajar untuk menganalisis perkara yang dilihat. Menurut Berger (2006) mengatakan bahawa evolusi bahasa manusia bermula dengan penglihatan dan pengecaman, diikuti, pengucapan, pembacaan dan penulisan.

## **TUJUAN KERTAS KONSEP**

Kertas konsep bertujuan untuk membincangkan tentang definisi, kepentingan, ciri-ciri kemahiran visual, cabaran pelaksanaan, cadangan mengatasi kemahiran visual dalam Pedagogi Hikmah.

## PEDAGOGI HIKMAH

Pedagogi Hikmah telah tercetus daripada idea *Philosophical Inquiry and Program Philosophy for Children* (P4C) melalui penubuhan Centre of Philosophical Inquiry in Education di Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dalam Pedagogi Hikmah mengutamakan inkuiri falsafah iaitu berpandukan kepada kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Pedagogi ini dinamakan Hikmah kerana maksud Hikmah merangkumi kebijaksanaan ilmu tentang tempat atau kedudukan sesuatu yang tepat (adab) ilmu daripada seluruh pengalaman kehidupan.

Matlamat Pedagogi Hikmah menurut Lipman (1988) untuk menjadikan individu kanak-kanak seorang yang *thoughtful* (berfikir), lebih *reflective* (meneliti), lebih *considerate* (bertimbang rasa) dan *reasonable* (munasabah). Tetap berpegang dengan matlamat Lipman akan tetapi terdapat penambahan dalam memahami al-Quran dan Hadis bersandarkan matlamat Lipman (1988). Terdapat enam objektif dalam pendekatan ini:

1. Meningkatkan keupayaan menaakul
2. Mengembangkan daya kreativiti
3. Membangun perkembangan personal dan interpersonal
4. Membina kefahaman tentang ahlak dan etika
5. Mengembangkan keupayaan mencari makna dalam pengalaman
6. Memikir dan memahami prinsip Islam dalam kehidupan

Dalam Pedagogi Hikmah terdapat tiga fasa penting yang akan dilalui yang pertama, guru akan memberi bahan rangsangan, dalam bentuk audio, teks, video dan gambar. Fasa kedua adalah pertanyaan. Melalui fasa akan berlaku proses penyoalan antara pelajar yang akan diajukan kepada pembentang. Seterusnya adalah fasa ketiga, fasa perbincangan. Fasa ini akan menerapkan kemahiran berkomunikasi dan berdialog dan menimbulkan pelbagai pandangan dan pendapat berbeza dalam proses perbincangan. Guru berperanan sebagai fasilitator dengan bertindak menimbulkan tema perbincangan. Fasa perbincangan perlu melibatkan semua pelajar di dalam kelas agar semua pelajar dapat mengeluarkan idea dan pandangan mereka. Selepas fasa perbincangan selesai, guru akan meminta pelajar untuk menyimpulkan perkara yang mereka bincangkan.

## METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui analisis dokumen daripada penulisan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah. Maklumat yang diperolehi dikumpulkan melalui pembacaan dari jurnal, artikel, prosiding, tesis dan buku yang dibekalkan kepada pengkaji untuk membuat kajian berkenaan. Kaedah ini membantu pengkaji mengetahui tentang ciri-ciri, cabaran pelaksanaan dan cadangan penggunaan Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah. Oleh hal yang demikian daripada analisis yang dilaksanakan secara tidak langsung membantu dalam proses pencarian maklumat berkenaan dengan penggunaan Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **KEPENTINGAN KEMAHIRAN VISUAL**

Semasa sesi PdPc dijalankan, murid mudah berasa bosan kerana guru menggunakan kaedah tradisional yang tidak bergerak seiring dengan arus modenisasi. Guru perlu mencari inisiatif untuk menarik minat pelajar dengan mempelbagaikan kaedah dan teknik mengajar di dalam kelas. Antaranya adalah dengan menggunakan Kemahiran Visual dalam proses PdPc. Bertoline (1998), mencadangkan agar visualisasi menjadi matlamat berterusan dalam semua bentuk pendidikan grafik pada setiap peringkat pembelajaran visual.

Di samping itu, menurut pandangan Georgis et al. (1999) Literasi Visual merupakan keupayaan membaca, mentaksirkan dan mereka imejan. Mereka imejan adalah keupayaan memperoleh makna daripada imejan, pembaca perlu menggunakan kemahiran seperti penerokaan, kritikan dan renungan. Oleh itu, pentingnya Kemahiran Visual dalam proses PdPc agar dapat membantu memperbaiki dan mempertingkatkan lagi tahap pemahaman pelajar dan kemahiran komunikasi dua hala antara pelajar. Dalam kajian Dwyer (1970) telah membuktikan bahawa pembelajaran melalui deria penglihatan tahap keberkesanannya adalah sebanyak 83%. Pembelajaran melalui deria penglihatan ini bertahan dalam tempoh yang lama kerana seseorang individu itu akan lebih mudah ingat sesuatu perkara melalui deria penglihatan ataupun dengan imej atau visual. Selain itu, dengan Kemahiran Visual pelajar dapat mengutarakan pandangan mereka berdasarkan kepada bahan visual yang ditunjukkan sekaligus meningkatkan keyakinan pelajar untuk berinteraksi di dalam kelas.

Seterusnya, setiap pelajar mempunyai teknik dan kemahiran yang berbeza dalam pembelajaran. Maka, guru perlu meneliti corak pembelajaran pelajar dan mengaplikasikannya mengikut kesesuaian pelajar.

## **CIRI-CIRI PENGGUNAAN KEMAHIRAN VISUAL DALAM PEDAGOGI HIKMAH**

Dalam penggunaan Kemahiran Visual terdapat ciri-ciri dalam penggunaannya. Pertama, mempunyai kesamaran setiap bahan rangsangan yang diberikan kepada pelajar hendaklah mempunyai kesamaran. Jika guru memberikan bahan visual yang jelas maksudnya maka pelajar tidak berpeluang untuk merangsang pemikiran mereka dan tidak akan timbul sebarang persoalan tentang gambar atau imej yang ditunjukkan. Menurut Rosnani Hashim (2022), tujuan bahan visual yang mempunyai kesamaran ini dibina adalah untuk menggalakkan pelajar untuk bertanya dan berfikir. Bahan rangsangan tersebut memainkan peranan yang amat penting kerana akan menentukan tindak balas pelajar terhadap gambar atau imej yang diberikan.

Kedua, Kekeliruan konseptual, konsep yang dipilih perlulah wajar dengan topik yang akan dibincangkan. Akan tetapi bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritis hendaklah menimbulkan sedikit kekeliruan daripada sudut konseptual. Kekeliruan ini akan menyebabkan pelajar mentafsir bahan tersebut secara ilmiah dan bermakna (Rosnani Hashim, 2022). Daripada tafsiran tersebut akan membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka. Isu atau konsep yang dibincangkan akan terhasil dalam pelbagai makna dan tafsiran yang berbeza. Guru sebagai fasilitator akan mendengar pandangan, idea dan pendapat pelajar dengan tekun dan teliti tanpa menghukum mereka.

Akhir sekali, ciri-ciri dalam nilai murni. Pemilihan gambar akan mempengaruhi segala persoalan yang akan timbul semasa sesi PdPc. Oleh yang demikian, bagi menghasilkan pembelajaran yang bermakna bahan visual yang mempunyai unsur nilai-nilai murni hendaklah diterapkan. Daripada bahan visual tersebut pelajar akan diminta untuk mengeluarkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam gambar dan menilai sama ada nilai-nilai yang dikemukakan boleh diamalkan atau tidak dalam kehidupan seharian. Selain itu, dengan mencipta atau menggunakan gambar yang mempunyai unsur nilai-nilai murni pelajar dapat mengambil iktibar daripada hasil perbincangan bersama rakan sekelas.

## **CABARAN PELAKSANAAN PENGGUNAAN KEMAHIRAN VISUAL DALAM PEDAGOGI HIKMAH**

Dalam proses pelaksanaan Penggunaan Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah ini juga terdapat beberapa cabaran yang akan dilalui iaitu semasa proses Pedagogi Hikmah dijalankan guru tidak tahu cara untuk membantu pelajar untuk menjana idea. Menurut Zamri Mahamod & Nor Azah Lim (2011) guru kurang mahir dalam teknik penyolaan dan lebih banyak menggunakan kaedah tradisional seperti syarahan dalam pengajaran. Disebabkan oleh itu, guru tidak berjaya untuk merangsang pemikiran murid dan tidak membantu murid untuk menguasai aras kognitif yang tinggi. Melalui soalan yang diajukan kepada murid akan memberi peluang kepada mereka untuk memberi pandangan dan idea tentang topik yang dibincangkan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Fatin Imanina Abd. Rahman & Anuar Ahmad (2024) cabaran yang seterusnya adalah, isu guru kurang mahir dalam penggunaan bahan elektronik atau teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran dalam penggunaan bahan elektronik ini juga menunjukkan bahawa kreativiti seorang guru dalam melaksanakan aktiviti di dalam kelas (Ilias et al., 2013). Dalam kajian Fitri (2014) mendapati bahawa masih terdapat ramai guru-guru di sekolah yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam pengajarannya. Sehubungan dengan itu, guru tidak dapat memperkembangkan deria penglihatan murid dan murid juga tidak didedahkan dengan sistem pembelajaran yang baru dan menarik. Kenyataan ini dapat disokong dengan kajian Ahmad Hambali (2015) yang menunjukkan guru mahir menggunakan *Microsoft Excel* dan *Adobe Photoshop* adalah 54% dan 23% sahaja. Penggunaan seperti *Canva*, *Thinglink*, *Powtoon* dan *Genily* sebagai BBM dalam PdPc. Dengan menggunakan teknologi maklumat sebagai BBM guru dapat mempelbagaikan cara penyampaian kandungan pengajaran.

Akhir sekali cabaran semasa pelaksanaan Kemahiran Visual dalam Pedagogi Hikmah semasa proses Pedagogi Hikmah dilaksanakan pelajar kurang mahir dalam kemahiran komunikasi dan penjanaan idea. Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz (2000), kemahiran komunikasi merupakan satu kejayaan manusia yang paling tidak ternilai kerana dengan kemahiran ini manusia dapat berhubung antara satu sama lain. Apabila pelajar mahir dalam kemahiran komunikasi mereka mampu membina susunan ayat dengan baik dan tersusun. Suasana di dalam sebuah kelas itu tidak akan menjadi seronok jika pelajar tidak mengamalkan pemikiran yang kritikal dan perbincangan yang dilakukan akan menjadi sia-sia sahaja. Bagi aspek penjanaan idea, pelajar malas untuk berfikir dan hanya mengharapkan bantuan guru

semata-mata. Justeru itu, mengakibatkan pelajar bersikap pasif jika diminta untuk memberikan pandangan dan pendapat mereka.

## **CADANGAN MENGHADAPI PENGGUNAAN KEMAHIRAN VISUAL DALAM PEDAGOGI HIKMAH**

Cadangan bagi menghadapi keadaan tersebut adalah guru seharusnya menerapkan Kemahiran penyualan dalam kemahiran visual. Hal ini demikian kerana kemahiran menyual memainkan peranan yang amat penting dalam pendekatan pedagogi melalui pembelajaran Mursyidah Sakina & Hafizhah Zulkifli (2024). Dengan penggunaan teknik penyualan yang baik akan meningkatkan tahap kognitif murid apabila diperlihatkan satu gambaran visual yang berkaitan dengan topik pengajaran. Hasil keberkesanan murid juga akan meningkat apabila guru bertindak aktif semasa sesi soal jawab dilaksanakan di dalam kelas. Penggunaan soalan kuadran akan merangsang pemikiran murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis dan sesi pembelajaran dan pengajaran ini lebih berpusatkan kepada murid (Mursyidah Sakinah & Hafizhah Zulkifli, 2024).

Selain itu, guru hendaklah mendalami dengan lebih mendalam cara penggunaan teknologi maklumat dengan cara pembelajaran secara alam maya. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025), iaitu anjakan ketujuh dari 11 anjakan yang telah disenaraikan dalam pelan tersebut ada menyatakan mengenai tentang keperluan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Pembelajaran secara maya juga merupakan antara salah satu proses pembelajaran yang digunakan pada era kini. sebagai contoh, bagi pengajian tinggi kerap menggunakan pembelajaran secara maya sebagai satu inisiatif baru dalam pembelajaran. Disamping itu, meneroka segala fungsi teknologi terkini agar dapat diaplikasikan dalam sesi PdPc. Menurut Thulasimani (2014) penggunaan ICT dapat memberi nilai tambahan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Jika guru mengintegrasikan TMK dalam PdPc maka akan terjadi pelbagai jenis aktiviti atau kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan topik pembelajaran. Murid juga akan bergerak aktif dan berasa lebih seronok dengan pembaharuan kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru mereka.

Cadangan seterusnya ialah, menggalakan pelajar untuk berinteraksi di dalam kelas. Guru perlu mengadakan aktiviti yang memerlukan kepada interaksi pelajar antara satu sama lain. Kemahiran komunikasi perlu dibentuk supaya pelajar tidak terlalu pasif semasa proses pembelajaran dilaksanakan. Ini akan mengakibatkan pelajar terlalu malu untuk bersuara dan menyuarakan pandangan dan idea-idea mereka. Seseengah pelajar mengambil pilihan untuk berdiam diri dan hanya mendengar pandangan dan pendapat rakan sekelasnya sahaja. Oleh itu, guru perlu melaksanakan aktiviti berkumpulan bagi menghidupkan suasana perbincangan yang positif antara rakan sekelas. Aktiviti berkumpulan akan dimulakan dengan perbincangan pada tahap yang memberangsangkan. Dapatan kajian Yahya & Muhammad Shahabudin (2010), membuktikan bahawa pelajar memulakan komunikasi dan meneruskan komunikasi sesama ahli kumpulan kerana mereka mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.

## KESIMPULAN

Kemahiran Visual merupakan satu kemahiran yang penting untuk digunakan dalam pengajaran Pedagogi Hikmah kerana dapat membantu pelajar merangsang daya pemikiran mereka. Kemahiran Visual ini dapat diaplikasikan dengan menggunakan pelbagai cara yang boleh menimbulkan tanda tanya kepada mereka. Dalam fasa perbincangan pula pelajar akan menilai daripada bahan visual yang diberikan dan meneliti dengan baik maklumat yang ingin disampaikan daripada imej atau gambar yang ditunjukkan. Selain itu, jika menggunakan bahan visual sebagai BBM pelajar memberi peluang kepada pelajar dalam perkembangan pembelajaran dan kemahiran insaniah mereka.

Seterusnya, kemahiran ini juga berupaya untuk menggunakan pelbagai kemahiran seperti penerokaan, kritikan dan renungan. Kemahiran-kemahiran ini boleh diasah dalam diri pelajar agar mereka lebih bersifat kreatif dan kritis dalam menghasilkan idea berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang telah dialami.

## RUJUKAN

- Atikah Mohd Tahir & Faridah Yunus. 2018. Penguasaan Integriti Visual-Motor Kanak-Kanak Prasekolah di SK, SKJC dan SKJT. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak* 7: 1-11.
- Chew Lee Yee & Suziyani Mohamed. 2021. Kemahiran Guru dalam Mengintegriti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 44-53.
- Dwyer, F., M. 1970. Exploratory Studies in The Effectiveness of Visual Illustrations. *AV Communication Review* 18(3): 235-249.
- Fatin Imanina Abd. Rahman & Anuar Ahmad. 2024. Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 9(2): 1-11.
- Fitri Ismail. 2014. *Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (LD) di Malaysia*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Georgis C. et. al. 1999. Children's Books: Visual Literacy. *The Reading Teacher* 53(2): 146-153.
- Ildawati Halil & Muhammad Sofwan Mahmud. 2022. Penggunaan Kaedah Visualisasi terhadap Pencapaian Matematik Pelajar: Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(10): 1-13.
- Ilias, M. F., Ismail, M. F & Jasmi, K. A. 2013. Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari. *3<sup>rd</sup> International Conference on Islamic Education, Selangor Malaysia*, hlm. 947-953.
- Kinder, J., S. 1950. *Audio-Visual Materials and Techniques*. USA: American Book Company.
- Mohd Safarin Nordin & Dr Muhammad Sukri Saud. 2006. Kemahiran Visualisasi: Kemahiran Kognitif Tahap Tinggi dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional. *Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*. 9-10 Disember, hlm. 1-12

- Ngui Ching Ching & Nurfadilla Mohamad Nasri. 2021. Penggunaan Kaedah Visualisasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3): 444-449.
- Nur Idayu Yusi. 2017. Pelaksanaan Literasi Visual dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *PENDETA Journal of Malay Language Education and Literature* 8: 66-71.
- Nur Syahirah Jarawi & Hafizhah Zulkifli. 2020. Pedagogi Hikmah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education* 4(2): 90-102.
- Nurhayati Nasir & Siti Nafizah Abu Bakar. 2018. Penggunaan Bahan Visual dalam Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Lisan. *Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura*. t.tp.: t.pt.
- Nurul Sakinah Aziz & Hafizhah Zulkifli. 2021. Memahami Keperluan Pembinaan Modul Pedagogi Hikmah Pendidikan Islam Sekolah Menengah. *International of Conference on Syariah & Law: Online Conference*, hlm. 309-322.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah) . 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Resty C. Samosa, Joy Razella G. Fulo, Clareta B. Geraga, Ariene D. Hernalin & Mercy A. Villan. 2021. Indicators of Visual Literacy as an Innovative Writing Strategy in Teaching Short Stories Among Fourth Grade Students. *International Journal of Academic Multidisciplinary Research (JAMR)* 5(12): 53-56.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussein, Madihah Khalid & Rosemaliza Kamaluddin. 2018. Aplikasi Pedagogi Hikmah bagi Pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2): 37-47.
- Rosnani Hashim. 2022. *Pedagogi Hikmah Bagi Kemahiran Insaniah: Panduan Untuk Pendidik*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajaran Kemahiran Berfikir (CTT) Kuliyyah Pendidikan UIAM.
- Sia Soon Ping & Kamariah Abu Bakar. 2022. Meningkatkan Kemahiran Operasi Tambah Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Bahan Konkrit dan Visual. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 11(Special Issue): 103-113.
- Thulasimani Munohsamy. 2014. Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan. *Journal IPA*. Bil. 23.
- Wan Hanim Nadrah binti Wan Muda. 2017. *Kesan Kaedah Pembelajaran Visual dalam Usahan Meningkatkan Kefahaman Pelajar Bagi Subjek Matematik II*. t.tp.: t.pt.
- Yahya Buntat & Muhamad Shahabudin Hasan. 2010. Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar. Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. Mei 2011. Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Malay Language Education Journal (My Lej)* 51-65.